



ARCHIVE UNIT
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

UUM / AA 87 / BH / 2.7.2026 / P:10 (1-3)

Khamis, 2 Julai 2026 **BH**

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Talian Terus: 03-2724 8588 | Hotline: 1300 22 6787 | Sambungan: 8588

Keselarasan pemimpin, perkhidmatan awam lonjak daya saing negara

● Dalam perbincangan ekonomi moden, daya saing sesebuah negara tidak lagi hanya bergantung kepada kos buruh murah, sumber asli atau saiz pasaran domestik

● Jika kesemua faktor ini terus diperkukuh, Malaysia berpeluang menjadi antara hab utama pelaburan berteknologi tinggi di Asia Tenggara

Oleh Prof Dr Halimah Abdul Manaf
bhrencana@bh.com.my

Lonjakan kedudukan Malaysia ke-15 dalam Ranking Daya Saing Dunia 2026 oleh Institut Antarabangsa Pengurusan Pembangunan (IMD) adalah isyarat penting Malaysia kini lebih stabil, diyakini dan kompetitif di peringkat

baik sistem penyampaian dan membina keyakinan pelabur.

Dalam konteks ini, lonjakan Malaysia dalam indeks daya saing dunia berkait rapat dengan agenda reformasi pentadbiran ditekankan Perdana Menteri.

Sejak mengambil alih pentadbiran negara, kerajaan menekankan kepentingan tata kelola, disiplin fiskal, kecekapan perkhidmatan awam, pelaburan berkualiti tinggi, reformasi institusi dan pembangu-

nesia dan Thailand masing-masing berusaha menarik pelaburan dalam sektor teknologi tinggi, semikonduktor, tenaga hijau, ekonomi digital, pusat data, automotif elektrik dan pembuatan bernilai tinggi.

Maka, kejayaan Malaysia melonjak dalam ranking daya saing dunia memberi mesej negara ini masih mempunyai kekuatan struktur dan potensi besar untuk menjadi destinasi pelaburan strategik.

Pencapaian ini juga penting kerana memperkukuh



saingan, ketegangan dan gangguan rantai bekalan, keupayaan sesebuah negara meningkatkan daya saing menuntut kestabilan dasar, kecekapan pentadbiran, keyakinan pelabur, ekosistem perniagaan kondusif serta hala tuju ekonomi jelas.

Atas sebab itu, pencapaian Malaysia daripada tempat ke-34 pada 2024 dan ke-23 pada 2025 kepada tangga ke-15 pada tahun ini satu pengiktirafan terhadap arah pentadbiran negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ranking daya saing IMD menilai sesebuah ekonomi berdasarkan beberapa tonggak utama, termasuk prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur.

Justeru, apabila Malaysia mencatat peningkatan ketara dalam ranking keseluruhan, ia menunjukkan penambahbaikan berlaku merentasi beberapa aspek penting dalam pentadbiran dan ekonomi negara.

Antara perkara paling penting dalam pencapaian ini ialah faktor prestasi ekonomi dan kecekapan kerajaan Malaysia berada pada kedudukan keempat dunia bagi prestasi ekonomi, satu petunjuk asas ekonomi negara semakin kukuh.

Pada masa sama, komponen kecekapan kerajaan mencatat peningkatan penting apabila Malaysia berada pada kedudukan ke-14 dunia.

Dalam perbincangan ekonomi moden, daya saing sesebuah negara tidak lagi hanya bergantung kepada kos buruh murah, sumber asli atau saiz pasaran domestik.

Sebaliknya, ia semakin bergantung kepada keupayaan kerajaan menggubal dasar jelas, melaksanakannya dengan cekap, mengurangkan birokrasi, mempercepat proses kelulusan, menambah

hadapan Malaysia.

Perdana Menteri mengambil pendekatan lebih seimbang menanggapi pencapaian ini. Beliau tidak meletakkan kejayaan itu sebagai hasil individu semata-mata, sebaliknya mengaitkannya dengan kekuatan sistem, pasukan pentadbiran dan penjawat awam.

Sikap ini penting kerana daya saing negara bukan dibina seorang pemimpin sahaja, tetapi melalui keselarasan antara kepimpinan politik, perkhidmatan awam, sektor swasta, pelabur dan rakyat.

Pengiktirafan terhadap peranan penjawat awam juga mempunyai makna besar. Selama ini, reformasi perkhidmatan awam sering dibincangkan dalam konteks kelewatan, birokrasi dan keperluan mempercepat penyampaian.

Usaha perkukuh sistem penyampaian

Namun, apabila komponen kecekapan kerajaan dalam penilaian antarabangsa menunjukkan peningkatan, ia memberi isyarat usaha memperkukuh sistem penyampaian mula menghasilkan kesan.

Ini perlu diteruskan dengan lebih agresif supaya reformasi pentadbiran benar-benar dapat dirasakan rakyat dan pelabur.

Daya saing negara juga berkait rapat dengan kestabilan dasar. Pelabur tidak hanya melihat kepada kadar cukai, insentif atau kos operasi.

Mereka menilai sama ada sesebuah negara mempunyai kerajaan stabil, dasar konsisten, institusi berfungsi dan persekitaran mesra perniagaan.

Dalam hal ini, kepimpinan Perdana Menteri memberi penekanan kepada kestabilan politik sebagai prasyarat kepada pertumbuhan ekonomi.

Malaysia hari ini berada dalam persaingan serantau sengit. Singapura, Vietnam, Indo-

cari negara mempunyai kestabilan politik, tenaga kerja berkemahiran, dasar industri jelas, infrastruktur kukuh, sistem kewangan dipercayai dan pentadbiran cekap.

Jika semua faktor ini terus diperkukuh, Malaysia berpeluang menjadi antara hab utama pelaburan berteknologi tinggi di Asia Tenggara.

Kekuatan Malaysia dalam ranking daya saing dunia juga memberikan kelebihan diplomatik kepada Perdana Menteri. Dalam hubungan antarabangsa, pemimpin negara membawa rekod ekonomi semakin kukuh mempunyai kedudukan tawar-menawar lebih baik.

Malaysia boleh tampil dengan lebih yakin untuk menarik pelaburan, memperkukuh hubungan perdagangan, membina kerjasama teknologi dan mengukuhkan peranan dalam ASEAN serta Selatan Global.

Kesimpulannya, lonjakan Malaysia ke tangga ke-15 dalam Ranking Daya Saing Dunia 2026 adalah satu pencapaian penting. Ia mencerminkan peningkatan keyakinan terhadap ekonomi negara, kecekapan kerajaan, kestabilan dasar dan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Namun, pencapaian ranking ini tidak harus menjadikan kerajaan selesa. Cabaran seterusnya ialah memastikan peningkatan ini diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat.

Rakyat ingin melihat daya saing negara membawa kepada pekerjaan lebih baik, pendapatan lebih tinggi, kos sara hidup lebih terkawal, peluang ekonomi lebih luas dan perkhidmatan awam lebih cekap.

Kita yakin kerajaan akan memastikan kejayaan di peringkat antarabangsa dapat diterjemahkan kepada realiti harian rakyat dengan memastikan momentum ini diteruskan, reformasi pentadbiran dipercepatkan, pelaburan berkualiti tinggi dipertingkatkan dan manfaat daya saing negara dirasakan rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang
Redaksi

Pengarang Kumpulan
ZULKIFLI JALIL
zuljalil@bh.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital)
ZAINUDIN MOHD ISA
zainud@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)
NAZARUDIN ABU BAKAR
nazarudin@bh.com.my